



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG

TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran ini dipelawa kepada Pengusaha yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia **atau** Pendaftar Pertubuhan (R.O.S) bagi organisasi untuk menyertai sebut harga berikut:

| NO. SEBUT HARGA | TAJUK | SESI TAKLIMAT/ LAWATAN TAPAK | PELAWAAN SEBUT HARGA |
|--------------------------|---|--|---|
| 03(S)/2026(ASET) HTAR | SEBUT HARGA PELUPUSAN SATU (1) UNIT KENDERAAN (VAN) DI HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG | Tarikh : 15-21 April 2026 (kecuali hari Sabtu & Ahad) Masa : 09:00 pagi - 4:00 petang Tempat : Kawasan Pakir, Kompleks Pengurusan, HTAR Klang • Kehadiran ke sesi taklimat dan lawatan tapak adalah DIWAJIBKAN • Hanya SEORANG WAKIL sahaja yang dibenarkan • Sila patuhi SOP yang ditetapkan • Urus setia berhak menguatkuasakan semakan dokumentasi dan pematuhan peraturan yang ditetapkan | Tarikh Pelawaan: 13 April 2026 (Isnin) Tarikh Tutup Pelawaan : 24 April 2026 (Jumaat) Sebelum jam 12:00 tengah hari |

Pengusaha yang menghadiri taklimat **sahaja dibenarkan mengambil Dokumen Sebut Harga** dan layak diberi kepada Pengusaha yang menunjukkan dokumen seperti di bawah:

1. Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Asal Kementerian Kewangan (MOF) serta Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Pendaftar Pertubuhan (ROS);
2. Satu salinan Kad Pengenalan dan salinan sijil/ surat bagi perkara (1);
3. Wakil Syarikat yang hadir ke taklimat tapak wajib namanya tersenarai dalam sijil MOF untuk melayakkan beliau hadir untuk mendengar taklimat tapak;
4. Melengkapkan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih (Kew. PA 28)
5. Melengkapkan Surat Akuan Pembida (Lampiran 6); dan
6. Deposit Sebut Harga (Bank Draf/Wang Pos)

Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dialamatkan kepada:

**Pengarah Hospital
Hospital Tengku Ampuan Rahimah
Aras 2, Unit Perolehan & Aset, Kompleks Pengurusan,
Jalan Langat, 41200 Klang
Selangor Darul Ehsan**

Dokumen tawaran tersebut hendaklah diserahkan kepada **Unit Perolehan & Aset** Kompleks Pengurusan, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang tidak lewat daripada tarikh dan masa tutup **iaitu sebelum atau pada 24 April 2026 (Jumaat) jam 12.00 tengah hari**. Tawaran lewat yang diterima tidak akan dipertimbangkan.



Ruj.Kami : HTAR 230/01-01 Jld.46 (54)
Tarikh : 9 April 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan,

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN SATU (1) UNIT KENDERAAN (VAN) DI HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH, KLANG NO. PENDAFTARAN : BHA 5221 NISSAN VANETTE C22

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Kenyataan Tawaran Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-27)No. Sebut Harga: **03(S)/2026(ASET)HTAR**, untuk makluman dan tindakan pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan, Pihak kami memohon kerjasama pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan agar dapat mempamerkan di papan kenyataan atau e-mel dalaman supaya perkara ini dapat dihebahkan kepada orang ramai yang berminat.

3. Sila berhubung dengan Puan Normah binti Roslan, Unit Perolehan di talian 03-33757000 samb. 1717 bagi sebarang pertanyaan berkaitan Sebut Harga pelupusan berkenaan.

4. Segala kerjasama dan keprihatinan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ YBrs Dr./ Tuan/ Puan terhadap perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih. Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

DR. SHAHABUDDIN BIN IBRAHIM
(NO MPM 37309)
Timbalan Pengarah Perubatan (I)
b.p Pengarah Hospital
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

(DR. SARINA BINTI SIDEK)

NO. MPM: 33370

Pengarah Hospital

Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang

s.k: Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
(u.p: Unit Perolehan dan Aset)

PENYAYANG, PROFESIONALISME DAN KERJA BERPASUKAN ADALAH BUDAYA KERJA KITA



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO QMS 01325

Timbalan Pengarah Pengurusan
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

Ketua Seksyen Pengurusan Kewangan & Aset
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

Ketua Unit Perolehan & Aset
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

SENARAI EDARAN

A) HOSPITAL

1. Pengarah Hospital, Hospital Kajang
2. Pengarah Hospital, Hospital Banting
3. Pengarah Hospital, Hospital Tanjung Karang
4. Pengarah Hospital, Hospital Tengku Ampuan Jemaah Sabak Bernam
5. Pengarah Hospital, Hospital Sungai Buloh
6. Pengarah Hospital, Hospital Kuala Kubu Bharu
7. Pengarah Hospital, Hospital Ampang
8. Pengarah Hospital, Hospital Sultan Idris Shah Serdang
9. Pengarah Hospital, Hospital Selayang
10. Pengarah Hospital, Hospital Shah Alam
11. Pengarah Hospital, Hospital Orang Asli Gombak
12. Pengarah Hospital, Hospital Cyberjaya

B) PEJABAT KESIHATAN DAERAH

1. Pengarah, Pusat Kawalan Kusta Negara Sungai Buloh
2. Pegawai Kesihatan Daerah Hulu Selangor
3. Pegawai Kesihatan Daerah Sepang
4. Pegawai Kesihatan Daerah Hulu Langat
5. Pegawai Kesihatan Daerah Sabak Bernam
6. Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Langat
7. Pegawai Kesihatan Daerah Klang
8. Pegawai Kesihatan Daerah Gombak
9. Pegawai Kesihatan Daerah Kuala Selangor
10. Pegawai Kesihatan Daerah Petaling
11. Pegawai Kesihatan Pelabuhan Klang
12. Pegawai Kesihatan, Pejabat Kesihatan KLIA Sepang

C) PEJABAT PERGIGIAN DAERAH

1. Pejabat Pergigian Daerah Klang
2. Pejabat Pergigian Daerah Hulu Langat
3. Pejabat Pergigian Daerah Gombak
4. Pejabat Pergigian Daerah Kuala Langat
5. Pejabat Pergigian Daerah Sepang
6. Pejabat Pergigian Daerah Sabak Bernam
7. Pejabat Pergigian Daerah Kuala Selangor
8. Pejabat Pergigian Daerah Petaling

No. Sebut Harga : 03(S)/2026 (ASET) HTAR

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan : **HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH, KLANG SELANGOR**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut :

| Bil. | Keterangan Aset | Nombor Pendaftaran Kenderaan | Kuantiti | Harga Simpanan | Deposit Sebut Harga |
|------|-------------------------------|------------------------------|-----------------|--------------------|---------------------|
| 1. | Van Nissan Vanette C22 | BHA 5221 | Satu (1) | RM 3,000.00 | RM 150.00 |

2. Aset boleh dilihat pada **15 April 2026** hingga **21 April 2026** di antara **jam 9:00 pagi hingga 4:00 petang (kecuali hari Sabtu & Ahad)** bertempat di **Pakir Kompleks Pengurusan Hospital, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Jalan Langat, 41200 Klang, Selangor.**

3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang **Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28)** yang boleh diperolehi di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat **berlakri dan di tanda No. Sebut harga 03(S)/2026 (ASET) HTAR** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**PENGARAH HOSPITAL
UNIT PEROLEHAN & ASET, ARAS 2, KOMPLEKS PENGURUSAN
HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH KLANG
JALAN LANGAT, 41200 KLANG
SELANGOR**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **24 April 2026 (Jumaat) jam 12:00 tengah hari.** Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

DR. SHAHABUDDIN BIN IBRAHIM
(NO MPM: 37309)
Timbalan Pengarah Perubatan (I)
b.p Pengarah Hospital
Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang

.....
(DR. SARINA BINTI SIDEK)
(NO MPM : 33370)
Pengarah Hospital
Hospital Tengku Ampuan Rahimah
Tarikh :

BORANG SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

| | |
|---|--|
| Nama Individu /Syarikat | |
| No. Kad Pengenalan / Pendaftaran Syarikat | |
| No. Telefon | |
| Alamat Individu / Syarikat | |

Kepada:

Pengarah
Hospital Tengku Ampuan Rahimah
41200 Klang
Selangor Darul Ehsan.

Tuan,

SEBUT HARGA PELUPUSAN SATU (1) UNIT KENDERAAN DI HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH, KLANG

Merujuk kepada perkara di atas, saya / syarikat berminat menyertai sebut harga tersebut.

2. Tawaran saya / syarikat adalah seperti berikut :-

| Bil | Keterangan Aset | Kuantiti | Harga Tawaran (RM) | Deposit Sebut Harga (RM) |
|-----|--|---------------|--------------------|--------------------------|
| 1. | Membeli kenderaan (Sebut Harga) seperti berikut : BHA 5221 – Nissan Vanette C22 | 1 Unit | | |

3. Bersama-sama ini disertakan deposit sebut harga (sebanyak 5% daripada harga tawaran aset di atas atau RM5,000 mengikut mana yang terendah) yang bernilai RM_____ (Ringgit Malaysia _____) dalam bentuk Wang Pos/ Draf Bank, No. _____ atas nama "Pengarah, Hospital Tengku Ampuan Rahimah"

4. Saya / syarikat memahami dan bersetuju dengan semua syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan :

Tarikh :

Cop Syarikat :

TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN KENDERAAN DI HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH KLANG

SYARAT – SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Kenderaan akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Semua kenderaan adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
3. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
4. Penyebut harga / pembeli hendaklah dimaklumkan bahawa anggaran kos pembaikan kenderaan adalah berjumlah **RM12,000.00**.
5. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
6. Penyebut harga berjaya bertanggungjawab melaksanakan perkara-perkara berikut:-
 - a) Menyerahkan peralatan / pelekat berikut kepada Jabatan sebelum membawa keluar kenderaan:
 - i. Bagi pacuan empat (4) roda: menanggalkan alat komunikasi GORN, alat takal penarik (*winch*) dan alat komponen lain yang masih berfungsi;
 - ii. Menanggalkan pelekat Lesen Kenderaan Motor (LKM) yang masih berkuat kuasa;
 - b) Memadamkan tulisan nama / logo kementerian / jabatan pada badan kenderaan sebelum membawa keluar kenderaan;
 - c) Melaksanakan urusan berkaitan sekatan duti import dan cukai Kastam serta menanggung kos-kos yang terlibat bagi urusan tersebut adalah ditanggung oleh Penyebut harga berjaya;

- d) Bagi kaedah pelupusan secara jualan sebut harga:
- i. Membaiki kenderaan hingga berada di tahap yang lulus pemeriksaan PUSPAKOM. Melapor kepada Jabatan ini dari semasa ke semasa status kenderaan yang melibatkan lokasi penempatan, kerja-kerja pembaikan, pemeriksaan PUSPAKOM atau Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM);
 - ii. Membawa kenderaan ke PUSPAKOM bagi menjalani pemeriksaan PUSPAKOM hingga kenderaan lulus pemeriksaan tersebut;
 - iii. Menguruskan penukaran hak milik di JPJ / JLM. Penukaran hak milik hendaklah diselesaikan dalam tempoh **tiga (3) bulan dari tarikh bayaran penuh dijelaskan**. Jika gagal berbuat demikian, Jabatan berhak untuk membatalkan pendaftaran kenderaan di JPJ/JLM;
- e) Menanggung segala kos yang terlibat bagi perkara 5 a) hingga 5 d).
7. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak **5% daripada harga tawaran** bagi setiap kenderaan atau **RM5,000.00** mengikut mana yang **terendah**. Deposit hendaklah dalam bentuk **Wang Pos atau Draf Bank sahaja** atas nama **PENGARAH HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH KLANG**.
8. Tawaran tanpa / kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
9. Penyebut harga yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran penuh kepada **Unit Hasil, HTAR** dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja dari tarikh pemberitahuan keputusan**. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, tawaran adalah terbatal dan wang deposit tidak akan dikembalikan.
10. Penyebut harga yang berjaya hendaklah **mengambil kenderaan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja dari tarikh bayaran penuh dijelaskan**. Jika gagal berbuat demikian, bayaran dan deposit tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk membatalkan tawaran dan merampas kenderaan tersebut untuk dilupuskan secara jualan sisa.